

23 NOV 1996

APEC: MAJLIS PERNIAGAAN SATU MESEJ JELAS TENTANG KEAZAMAN²⁰FILIPINA/M'SIA

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MANILA, 23 Nov (Bernama) -- Presiden Filipina Fidel Ramos hari ini menyifatkan penubuhan Majlis Perniagaan Filipina-Malaysia sebagai menghantar satu mesej yang jelas bahawa kedua-dua negara berazam untuk mencapai matlamat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Forum Perniagaan Apec (ABF).

Beliau berkata pewujudannya juga menunjukkan kepentingan yang telah dimiliki oleh sektor swasta dalam hubungan pembangunan kebangsaan dan serantau.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran majlis itu di Pusat Persidangan Antarabangsa Filipina di sini yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kerajaan telah melakukan, dan masih boleh melakukan, banyak perkara lagi. Tetapi sektor swasta mempunyai kepakaran dan sumber-sumber yang boleh terus diterokai selagi kerajaan-kerajaan mengadakan dasar yang betul pada masa bila perniagaan berkembang melewati sempadan negara," katanya.

Majlis itu dipengerusikan bersama oleh pengerusi Philippine Long Distance Telephone Company (PLDT) Ricardo J. Romulo dan Dick Chan, pengerusi Metroplex dari Malaysia.

Ramos memuji majlis itu atas komitmennya untuk mengenal pasti dan memajukan bidang-bidang kerjasama antara sektor swasta kedua-dua negara dan menggalakkan penerokaan secara bersama peluang-peluang perniagaan di negara-negara ketiga.

Matlamat lain badan itu ialah mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dalam perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana dan meningkatkan rangkaian dan pertukaran maklumat antara sektor swasta kedua-dua negara.

Menurut Ramos sesetengah daripada matlamat itu telahpun dilaksanakan seperti yang terbukti daripada peningkatan dalam dagangan dan pelaburan antara Filipina dan Malaysia.

Dalam tempoh separuh pertama tahun ini, pelaburan Malaysia yang didaftarkan dengan Bank Pusat Filipina mencapai AS\$26.5 juta (RM66.25 juta). Angka bagi sepanjang tahun 1995 ialah AS\$37.1 juta (RM92.75 juta).

Ramos juga meluahkan penghargaannya kepada minat yang telah ditunjukkan oleh Malaysia untuk melabur di Mindanao. -- BERNAMA

MAM SIA